

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM PADA 20  
FEBRUARI 2005 BERTEMPAT DI MAKTAB PERGURUAN PERLIS, KANGAR,  
PERLIS INDERA KAYANGAN.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED  
FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL,  
TUANKU CANSELOR KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU  
HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MERAFAK SEMBAH,  
MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI  
TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE KEJOHANAN  
OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM YANG BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA  
DIADAKAN SEJAK PENUBUHAN UNIVERSITIINI KIRA-KIRA TIGA TAHUN  
YANG LEPAS.

SESUNGGUHNYA, KEBERANGKATAN DULI TUANKU BERDUA KE PROGRAM  
KAMI PADA PETANGINI IBARAT SUDAH SERI, BERTAMBAH PERI, SUDAH  
CERIA BERTAMBAH LAH GEMBIRA.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG AMAT BERHORMAT, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS,

YANG BERHORMAT EXCO-EXCO KERAJAAN NEGERI PERLIS,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA, TUAN HAJI RUSLI ABD. HAMID, PENDAFTAR KUKUM

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DIHORMATI,

WARGA KERJA,

DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIKASIHI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN SERTA BERKAT KASIH DAN SAYANG-NYA MENGIZINKAN KITA SEMUA UNTUK BERKUMPUL PADA PETANG INI DI DALAM KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2005 YANG SUDAH PUN MENCATATKAN SEJARAHNYA TERSENDIRI DALAM MEMOIR PENUBUHAN UNIVERSITI DI BUMI PENUH BERJASA, INDERA KAYANGANINI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN TETAMU DAN DIF-DIF KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR KE KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2005INI TERUTAMANYA KEPADA YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS, EXCO-EXCO KERAJAAN NEGERI PERLIS, AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS, PENGARAH-PENGARAH, KETUA-KETUA JABATAN DAN WAKIL-WAKIL AGENSI KERAJAAN, SEPARA KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA. KECIL TAPAK TANGAN, NYIRU KAMI TADAHKAN.

UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM KERANA USAHA GIGIH DAN DEDIKASI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA MERANCANG, MENYUSUN DAN SETERUSNYA MENZAHIRKAN PROGRAM YANG AMAT PENTING DALAM PEMBANGUNAN SESEBUAH IPTA.

UMUM SUDAH TERANG LAGI BERSULUH, MENGETAHUI BUKAN LAH MUDAH UNTUK MENGURUSKAN SESEBUAH KEJOHANAN SEBESARINI, APATAH LAGI DENGAN KEKANGAN MASA DAN BEBANAN KERJA YANG HARUS DIDEPANI DI JALURAN MASA DAN WAKTU YANG SENTIASA MENGHIMPIT KESABARAN DAN KESUNGGUHAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA.

ALAH BISA TEGAL BIASA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG TERLIBAT TELAH MEMBUKTIKAN TIADA YANG MUSTAHIL ANDAI SIKAP SALING BERTOLAK-ANSUR, BEKERJASAMA DALAM SATU PASUKAN, BIAR APA PUN TUGAS ATAU TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN IA UMPAMA MEMBUJUR LALU, MELINTANG PATAH. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN SEKALI LAGI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2005 INI DIWUJUDKAN BAGI MENARIK MINAT WARGA KUKUM BAIK DI KALANGAN STAF MAHUPUN MAHASISWA-MAHASISWINYA UNTUK BERKECIMPUNG DI DALAM BIDANG SUKAN.

KITA SEMUA SEDIA MAKLUM MELALUI KEGIATAN YANG SIHAT SEPERTI BERSUKANINI, IA BUKAN SAHAJA DAPAT MENJANA KECERGASAN MINDA MANA-MANA INDIVIDU TETAPI IA MERUPAKAN KUNCI KEPADA SEGALA KEBOLEH-UPAYAAN INSAN UNTUK BERGERAK, BEKERJA, BERFIKIR DAN SEBAGAINYA.

TANPA BADAN YANG SIHAT, PERGERAKAN INDVIDU AMAT TERBATAS DAN TIDAK MEMUNGKINKAN APA JUA PERKARA DILAKUKAN. JUSTERU ITU DENGAN ADANYA KEJOHANAN OLAHRAGA SEPERTIINI, IA DAPAT MENYUNTIK SEMANGAT BARU DI DALAM DIRI SETIAP WARGA KUKUM UNTUK SENTIASA BERGERAK CERGAS DAN AKTIF SERTA MAHU MEMAJUKAN DIRI DI DALAM KEGIATAN BERSUKAN YANG MEMPUNYAI BANYAK MANAFAATNYA.

HASIL DARI KEJOHANANINI JUGA, KUKUM MAMPU MELAHIRKAN BAKAT-BAKAT BARU YANG BERPOTENSI UNTUK DIASAH DAN DIGILAP KEBOLEHAN MEREKA UNTUK DIKETENGAHKAN KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI LAGI. ANTARA LAIN SEPERTI MEWAKILI KUKUM KE KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI, KEJOHANAN MAJLIS KEBAJIKAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN (MAKSAK) BAGI KAKITANGAN DAN MAJLIS SUKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MASUM) ATAU SUKAN MALAYSIA (SUKMA).

SAYA AMAT BERBANGGA ANDAI WARGA KUKUM TIDAK HANYA MEMFOKUSKAN KEPADA BIDANG KERJA ATAU PELAJARAN SEMATA-

MATA. APA YANG SAYA IMPIKAN IALAH WARGA KUKUM YANG MEMPUNYAI KEPELBAGAIAN SKIL ATAU KEMAHIRAN IAITU MEREKA BOLEH BERJAYA DI DALAM DUA ATAU TIGA BIDANG SEKALIGUS. CONTOH YANG PALING SINONIM IALAH DI DALAM KEGIATAN BERSUKAN.

SYUKUR ALHAMDULILLAH, BUNGA-BUNGA KEJAYAAN YANG SAYA IMPIKAN TERSEBUT TELAH MULA MERESAP MASUK KE DALAM DIRI WARGA KUKUM.INI TELAH TERBUKTI DENGAN KEJAYAAN PASUKAN BOLASEPAK DAN BOLATAMPAR STAF KUKUM YANG TELAH MENJUARAI BEBERAPA SIRI KEJOHANAN TEMPATAN DAN SALAH SEORANG PELAJAR KUKUM JUGA TELAH PUN MEWAKILI MAJLIS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA DI DALAM ACARA BOLASEPAK KE KEJOHANAN SUKAN UNIVERSITI-UNIVERSITI ASEAN BARU-BARU INI.

Y.A.B DATO' SERI NAJIB TUN RAZAK, TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA JUGA BARU-BARUINI TELAH MENGUMUMKAN KERAJAAN AKAN MEMPERKENALKAN SKIM PENCEN KEPADA ATLET YANG BERJAYA MEMENANGI PINGAT PADA SUKAN OLIMPIK.INI DENGAN JELAS MEMBUKTIKAN BETAPABIDANG SUKAN MAMPU MENJAMIN MASA DEPAN INDIVIDU-INDIVIDU YANG TERLIBAT DI DALAM BIDANG SUKAN. IA KINI BOLEH DIJADIKAN SEBAGAI KERJAYA KERANA IA MENJADI SEKTOR YANG MENDAPAT PERHATIAN YANG CUKUP SERIUS OLEH KERAJAAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2005INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG MAMPU MENGERATKAN HUBUNGAN SILATURRAHIM ANTARA WARGA KERJA DENGAN WARGA KERJA, PELAJAR DENGAN PELAJAR DAN BEGITU LAH JUGA SEBALIKNYA.

KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, PENGANJURAN SESUATU KEJOHANAN SUKAN SEPERTI SUKAN SEA, ASIA DAN JUGA OLIMPIK BERJAYA MENGHIMPUNKAN RIBUAN MANUSIA UNTUK BERKAMPUNG DI SESEBUAH NEGARA YANG BERBEZA FAHAMAN, BUDAYA, RAS DAN AGAMANYA UNTUK BERTANDING DI ATAS SEMANGAT KESUKANAN YANG TINGGI.

INI JELAS MEMBUKTIKAN BETAPA SUKAN MAMPU MENJADI ALAT PERPADUAN YANG PALING BERKESAN DALAM MENYATUKAN MANUSIA DI DALAM SESUATU KOMUNITI, ORGANISASI, NEGERI MAUPUN NEGARA IAITU DALAM KONTEKS YANG LEBIH LUAS. MAKA SAYA AMAT BERHARAP, KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2005INI BERJAYA MENYEMAI BENIH-BENIH PERPADUAN YANG UTUH DI KALANGAN KITA SEMUA.

SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEMUA WARGA KUKUM UNTUK MEMELIHARA ADAB-ADAB KEJOHANAN DAN BERTANDING LAH DENGAN BERPEGANG KUAT KEPADA SEMANGAT KESUKANAN YANG TINGGI DAN TIDAK TERLALU EMOSIONAL. APA YANG DIHARAPKAN IALAH ANDA SEMUA BERASA SERONOK MENGAMBIL BAHAGIAN SEPERTI MANA KATA PUJANGGA INGGERIS, ‘LET US ALL SHARE THE SPIRIT...’.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA Y.A.B DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS SERTA EXCO-EXCO KERAJAAN NEGERI DAN DIF-DIF KEHORMAT YANG LAIN KERANA TELAH SUDI HADIR KE PROGRAM KAMI PADA PETANG INI.

UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH SEKALI LAGI JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM DAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT

SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM MEJAYAKAN  
KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2005 INI.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA, PATIK MEWAKILI SELURUH  
WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG  
TIDAK TERHINGGA SEKALI LAGI KEPADA KE BAWAH DULI TUANKU  
BERDUA KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE  
KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2005 DAN SETERUSNYA  
MERASMIKAN PENUTUPAN KEJOHANANINI. PATIK SUDAHI DENGAN  
WABILLAHI        TAUFIK        WALHIDAYAH        WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.